

Headline	RHB Bank lancar pelan insurans baharu		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	17 Jun 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	52
Section	Niaga	Journalist	N/A
ArticleSize	147 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 11,489		



## RHB Bank lancar pelan insurans baharu

**KUALA LUMPUR** – RHB Bank Bhd. (RHB Bank) dengan kerjasama Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine Life) melancarkan pelan insurans hayat terbaharu, Essential PrimeLink.

Pengarah Eksekutif Perbankan Runcit Kumpulan Perbankan RHB, U Chen Hock (**gambar**) berkata, pelan tersebut menawarkan jaminan yang diperlukan serta fleksibiliti bagi pelanggan untuk mening-



katkan tahap pelaburan berdasarkan kewangan mereka.

“Pelan Essential PrimeLink menawarkan peluang pelaburan bagi membantu pelanggan merealisasikan matlamat kewangan dengan lebih cepat, sekali gus menjadikan mereka berasa yakin terhadap masa depan.

“Menerusi pelancaran pelan baharu ini, kami menyasarkan untuk mencapai premium sebanyak

RM6 juta dalam tempoh enam bulan akan datang,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Essential PrimeLink merupakan pelan menyeluruh berkaitan pelaburan yang menawarkan peluang kepada pelanggan untuk mengembangkan kekayaan menerusi dana yang diurus TokioMarine.

Ia bermatlamat memaksimumkan potensi pulangan jangka sederhana dan panjang.

Pelan itu menyediakan perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya

kekal sehingga usia 85 tahun.

Selain itu, pelanggan juga akan menikmati faedah dengan hanya membayar premium bagi tempoh lima atau 10 tahun, sekali gus memberikan fleksibiliti untuk memilih terma-terma pembayaran pilihan berdasarkan kapasiti kewangan mereka.

Tokio Marine Life turut memberi jaminan untuk membayar insurans sehingga RM300,000 ke atas kematian atau hilang upaya kekal dan semestara mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

CO & PARTNERS ADVISORY MALAYSIA

DSBESS-02/1.0/DSBESS-02/97